

06/08/2002

Ramai guru Sains, Matematik mahu tarik diri

PUTRAJAYA, Isnin - Ramai guru Sains dan Matematik dikatakan berhasrat untuk menarik diri daripada mengajar kedua-dua mata pelajaran berkenaan tahun depan berikutan ketidakupayaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata hasrat itu disampaikan ketika pihaknya membuat kaji selidik berhubung pembelajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di beberapa sekolah dan kelas tuisyen, baru-baru ini.

"Mereka bukan saja tidak bersedia, malah berasakan tidak mampu mengajar mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris walaupun sebenarnya mereka adalah pakar dalam bidang masing-masing.

"Kita akui ia bukan satu perkara mudah untuk mereka melaluinya kerana selama ini, semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Malaysia," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan guru Sains dan Matematik supaya bersikap positif dan tidak menjadikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai halangan untuk terus menabur bakti kepada anak bangsa.

"Kesukaran ini mungkin timbul pada peringkat permulaan saja, lama kelamaan masalah yang dihadapi dapat diatasi. Saya yakin semua guru faham bahasa Inggeris, cuma masalahnya mereka tiada kemahiran berkomunikasi," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Belia Malaysia (YBM) berkata, GPMS di semua negeri sedang berusaha mengumpul maklumat terperinci untuk mengenal pasti berapa ramai guru yang berhasrat menarik diri daripada mengajar mata pelajaran berkenaan.

"Hasil laporan itu akan kita serahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk makluman serta tindakan selanjutnya.

"Bagi saya, tindakan ini adalah satu kerugian bukan saja kepada pelajar malah kepada negara kerana kita bakal kehilangan pakar dalam kedua-dua bidang berkenaan," katanya selepas majlis pelancaran dan pengenalan logo Program Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin di Perbadanan Putrajaya.

Larian itu yang akan diadakan di Dataran Putrajaya pada 5 Oktober depan, dijangka menarik 10,000 peserta dari seluruh negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kabinet juga dijangka menyertainya.